

UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK: Menara Kebesaran Adab Hubungan Raja Dengan Menteri

Jelani Harun

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Undang-undang adat telah lama wujud dalam masyarakat Melayu dan diwarisi secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Dalam perkembangan seterusnya, undang-undang adat telah ditulis dan termaktub sebagai peraturan yang perlu dipatuhi oleh segenap anggota masyarakat. Salah satu contoh penulisan undang-undang adat ialah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang wujud di negeri Perak sekitar abad keenam belas yang lalu. Struktur penulisan undang-undang tersebut tersusun secara sistematis dalam memperlihatkan adab hubungan raja dengan menterinya.

Customary laws have for a long time been in existence in the Malay society and have been handed down from generation to generation. Over time, these laws were written down and taken as rules that should be abided by everyone in the society. An example is Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak which existed in Perak circa sixteenth century A.D. The laws were written in a systematic way in illustrating the relationship between the king and his minister.

Pengenalan

Undang-undang adat merupakan salah satu sumber penting untuk mengetahui sistem pentadbiran istana Melayu zaman silam. Antara lain, isi kandungan undang-undang berkisar pada senarai beberapa jenis kesalahan dan diikuti dengan peraturan-peraturan dalam penentuan hukuman yang dikenakan ke atas sesuatu kesalahan itu. Undang-undang adat justeru berperanan sebagai suatu kanun yang memberi panduan dan kawalan kepada raja-raja dalam melaksanakan proses pengadilan dan hukuman terhadap rakyat jelatanya. Walau bagaimanapun, peri pentingan yang sebenarnya dalam kewujudan undang-undang sangat berkait rapat dengan

keperibadian seseorang raja. Kesediaan raja mendapatkan nasihat undang-undang daripada para menteri yang arif akan menentukan perjalanan sistem pemerintahan negara yang berteraskan undang-undang yang telah ditetapkan.

Dalam sejarah kesultanan Melayu, *Kanun Melayu Melaka* dapat dianggap sebagai induk dalam mengkaji adat istiadat dan peraturan undang-undang adat Melayu. Karya tersebut mula diasaskan pada zaman Sultan Muhammad Syah (1422-1444), yakni sultan Melaka yang pertama memeluk Islam, membicarakan pelbagai aspek adat istiadat istana termasuk persoalan salah laku terhadap undang-undang serta hukuman yang dikenakan terhadap pesalah berkenaan. Di samping *Hukum Kanun Melaka*, terdapat beberapa buah karya undang-undang adat Melayu yang lain seperti *Hukum Kanun Pahang*, *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang Riau*, *Kanun Mahkota Alam* yang wujud dalam zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh, dan *Undang-Undang Raja Nati* yang berasal dari Kerajaan Islam Kutai.

Kajian tentang perundangan adat di negeri Perak pula akan menemui beberapa buah karya undang-undang yang ada kaitannya dengan zaman kesultanan Perak masa silam. Antara karya undang-undang yang dimaksudkan ialah *Undang-Undang Kerajaan* dan *Undang-Undang Minangkabau* (Undang-Undang Dua Belas). *Undang-Undang Kerajaan* (atau dikenali juga dengan nama *Undang-Undang Pahang, Perak dan Johor*) terdapat dalam dua buah manuskrip, iaitu Maxwell 17 dan Maxwell 20 yang kini tersimpan di Royal Asiatic Society, London. Teks undang-undang telah diterbitkan oleh Kempe dan Winstedt dalam *JMBRAS* (1948) dengan judul *A Malay Legal Digest Compiled for Abd al-Ghafur Muhaiyu'ddin Shah, Sultan of Pahang 1592-1614*. Pada bahagian pengenalan adalah dinyatakan seperti berikut:-

Maka inilah surat risalat yang simpun pada menyatakan pekerjaan segala raja-raja dan segala wazirnya di dalam negeri Pahang dan Perak dan Johor daripada masa Sultan yang amat besar kerajaannya iaitu Sultan Abd al-Ghafur yang dikekalkan atas kerajaannya dari dunia datang ke akhirat.

Undang-Undang Minangkabau (Undang-Undang Dua Belas) pula terdapat dalam bentuk sebuah manuskrip (Maxwell 44) yang kini tersimpan di Royal Asiatic

Society, London, bertarikh 1875. Undang-undang ini dikatakan dibawa dari Minangkabau ke negeri Perak oleh Sultan Ahmad Tajuddin (1577-1584). Isi kandungannya terdiri daripada 132 bahagian yang berkaitan dengan pelbagai peraturan dan penentuan hukuman terhadap sesuatu kesalahan. Teks undang-undang telah diterbitkan oleh Winstedt dalam *JMBRAS* (1953) dengan judul *An Old Minangkabau Legal Digest from Perak*.

Di samping itu, terdapat sebuah lagi karya undang-undang yang melambangkan kebesaran kerajaan Perak masa lalu, iaitu *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang wujud pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin. Keistimewaan undang-undang tersebut pernah dinyatakan oleh Winstedt (1969: 170) seperti berikut:-

The fullest and most interesting of these laws, the *Ninety-Nine Laws of Perak*, purport to have been brought to Malaya in the seventeenth century by a Sayid Husain al-Faradz of the great Hadramaut house of Ahmad bin Isa al-Mohajir, and to have been used by his descendants, who from the middle of the eighteenth century held the post of Mantri in Perak for several generations. Seeing that these laws are written down in the form of questions by Nushirwan to his minister Buzurgmihir, it looks as if these legal notes were put together under that Persian influence which came from India.

Manuskrip

Transliterasi teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* (termasuk terjemahan Inggeris) telah dilakukan sepenuhnya oleh J.Rigby dan diterbitkan oleh R.J.Wilkinson di dalam *Papers on Malay Subjects* pada tahun 1908. Di dalam kata pengantarnya, Wilkinson mencatatkan bahawa dia tidak melihat manuskrip asal undang-undang tersebut, sebaliknya hanya membaca dua buah salinan yang diberikan oleh D.H. Wise dan A. Hale. Sementara itu, transliterasi yang dilakukan oleh J.Rigby adalah bersumber daripada dua buah manuskrip, yakni mungkin berasaskan manuskrip milik D.H. Wise dan A. Hale tersebut. Abu Hassan Sham (1995: 147-173) dalam kajiannya terhadap *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* telah menggunakan teks yang telah ditransliterasi oleh J. Rigby ini. Di samping itu, teks penuh *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*

juga telah diterbitkan kembali oleh Fawzi Basri (1986: 216-232).

Satu-satunya manuskrip *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang diketahui wujud kini ialah MS 40327 (C) yang tersimpan di Perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), London, bertarikh 1886. Manuskrip diperolehi oleh pihak SOAS melalui R.O. Winstedt. Secara keseluruhan, MS 40327 adalah terdiri daripada tujuh bahagian yang berasingan antara satu sama lain, ditulis dalam “*account-book paper*” dan berukuran 31.5 sm x 19 sm. Pembahagian isi kandungan MS 40327 (C) tersebut adalah seperti berikut (rujuk Ricklefs & Voorhoeve, 1977: 163):

- A: Pantun dan syair Melayu
- B: Kalendar Arab dan Inggeris (tarikh 1884-1899)
- C: Undang-Undang 99 Perak (tarikh 1886)
- D: Sejarah Perak dan para pembesarnya (tarikh 1887)
- E: Syair Neraka
- F: Keterangan lanjut tentang Perak
- G: Puisi Mr. Wise memungut sewa di Sayong

Sementara itu, di Arkib Negara, Kuala Lumpur, terdapat senaskhah salinan faksimile bertulisan Jawi *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, terletak di bawah katalog SPP/48. Naskhah ditulis pada kertas bergaris dan pada kulit luarnya tercatat seperti berikut: “Undang-Undang 99 (Undang-Undang yang dikurnia oleh Raja Hj. Yahaya)”. Naskhah dicatatkan telah diperolehi oleh pihak Arkib Negara daripada Jazamuddin Baharuddin, Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam bulan Januari 1981. Pada halaman 2 manuskrip terdapat catatan bertulisan Jawi seperti berikut: “Undang-undang yang dikurniakan oleh Raja Haji Yahya.” Walau bagaimanapun, di samping teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, salinan manuskrip juga mengandungi senarai salasilah 29 orang raja yang memerintah negeri Perak, bermula dari Sultan Muzaffar Syah (1528-1549) hingga Sultan Abdul Jalil Syah ibn al-Marhum Sultan Idris Syah (1916-1918). Judul salasilah tersebut adalah seperti berikut (halaman 60):-

Bahawasanya inilah peringatan kami Seri Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Syah daftar nama al-marhum sultan-sultan di dalam negeri Perak Darul Ridhuan seperti yang tersebut di bawah ini.

Sehingga kini, kedudukan manuskrip asal salinan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang tersimpan di Arkib Negara tersebut masih belum dapat diketahui lagi. Penelitian penulis mendapati, naskhah ini mempunyai beberapa perbezaan yang ketara dari segi olahan bahasanya berbanding dengan naskhah yang telah ditransliterasi oleh J.Rigby. Dengan kata-kata lain, salinan naskhah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang terdapat di Arkib Negara adalah berbeza daripada naskhah yang telah ditransliterasi oleh J.Rigby.

Penulis sebenar yang telah menghasilkan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* masih belum dapat ditentukan dengan tepat. Menurut Winstedt (1969: 170), teks undang-undang tersebut telah dibawa ke Tanah Melayu oleh Sayid Hussain dari Hadramaut pada abad ke-16 yang lalu. Teks undang-undang itu kemudiannya telah digunakan oleh keturunan Sayid Hussain yang menjadi menteri kerajaan Perak mulai pertengahan abad ke-18. Walau bagaimanapun, dalam salinan manuskrip undang-undang tersebut, dicatatkan bahawa undang-undang itu telah dibawa oleh Sayid Hasan dalam masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin (1577-1584), yakni jauh lebih awal daripada tarikh yang dinyatakan oleh Winstedt. Undang-undang tersebut digunakan tatkala keturunan Sayid menjadi menteri di Perak seperti semasa Sayid Abdul Majid dan Sayid Jalaludin (Tok Tambak).

Maklumat di atas menerangkan bahawa *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* telah lama wujud di negeri Perak dan telah diwarisi turun-temurun oleh keturunan Sayid yang menjadi menteri di Perak. Salah sebuah salinan tersebut telah dibuat oleh Sayid Jafar Bin Sayid Yunus, salah seorang Orang Kaya Besar kerajaan Perak, pada 2 Oktober 1916 (rujuk rajah). Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan apakah undang-undang tersebut benar-benar telah dijadikan peraturan kerajaan yang rasmi, atau sekadar bahan rujukan peribadi para menteri yang mewarisinya. Penulis hanya dapat membuat andaian bahawa undang-undang tersebut pernah wujud di istana Perak dan wujud dalam pengetahuan raja-raja Perak masa lalu. Isi kandungan undang-undang memperlihatkan beberapa campur aduk antara undang-undang Islam dan juga undang-undang adat masyarakat Melayu lama. Hal ini dinyatakan oleh J.Rigby (1908: 14) seperti berikut:-

The Perak Code is not the work of an Arab scholar or lawyer; it is written in homely Malay and was probably pieced together by a Dato or Sayid who relied on the Malacca Code, or Muhammadan law as taught orally and modified by custom, and in places on the genuine adat of the country.

Keterangan di atas juga menunjukkan bahawa kewujudan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* adalah berkaitan dengan kehadiran keturunan Sayid yang menjadi menteri di Perak masa lalu. Bagaimana undang-undang tersebut diamalkan tidak pula diketahui sehingga kini. Di dalam teks *Misa Melayu* ataupun *Susunan yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan daripada Zaman Purbakala* (1935), tidak pula ditemui sebarang catatan tentang undang-undang tersebut. Hal ini memberi beberapa kemungkinan lain untuk penelitian lanjut oleh para sarjana yang akan datang. Pada bahagian awal naskah yang tersimpan di Arkib Negara tersebut terdapat senarai “Faharasat” isi kandungan keseluruhan karya seperti berikut:

Faharasat

1. Undang-undang orang mengadu
2. Undang-undang berlukaan
3. Undang-undang orang membunuh orang
4. Undang-undang orang kafir
5. Undang-undang orang perempuan tiada tentu bapanya
6. Undang-undang orang mengambil perempuan orang
7. Undang-undang seorang perempuan hendak cerai dengan lakinya
8. Undang-undang perkataan sahaja
9. Undang-undang belanja orang berkahwin
10. Undang-undang abdi orang
11. Undang-undang orang jadi raja
12. Undang-undang orang jadi pegawai memerintah di dalam mukim
13. Undang-undang kampung atau dusun
14. Undang-undang orang menghidupi binatang jinak
15. Undang-undang tanaman dibunuh oleh orang
16. Undang-undang hamba atau kawan
17. Undang-undang orang hutang-piutang
18. Undang-undang orang datang mengadu
19. Undang-undang orang menumpang rumah orang
20. Undang-undang orang berjalan sama-sama ke tempat sahaja
21. Undang-undang orang sama sekampung berdakwa
22. Undang-undang orang besar-besar
23. Undang-undang orang membunuh sama-sama Islam

24. Undang-undang orang mengadap raja
25. Undang-undang orang menjadi hakim
26. Undang-undang orang membawa kiriman orang
27. Undang-undang upah ubat orang sakit
28. Undang-undang orang membela hantu
29. Undang-undang orang membela kampung
30. Undang-undang orang perempuan anak dara hendak cerai dengan lakinya
31. Undang-undang orang berbahagi harta
32. Undang-undang orang perdakwaan ke mana-mana
33. Undang-undang orang berbahagi harta pesaka
34. Undang-undang orang mati tiada beranak dan berharta
35. Undang-undang orang muda belum nikah lagi
36. Undang-undang abdi orang
37. Undang-undang orang bunting tiada tentu
38. Undang-undang orang bunting dahulu kemudian nikah
39. Undang-undang nafkah orang cerai
40. Undang-undang orang di dalam kampung
41. Undang-undang perempuan hendak cerai
42. Undang-undang menghidupi binatang merosakkan tanaman
43. Undang-undang orang membuka tanah air
44. Undang-undang orang berladang padi
45. Undang-undang orang menghidupi singa
46. Undang-undang orang berjual beli kerbau atau kambing
47. Undang-undang orang menghidupi kambing
48. Undang-undang orang menghidupi ayam
49. Undang-undang masuk ke negeri orang
50. Undang-undang orang berzinah perempuan
51. Undang-undang orang dagang masuk kampung orang
52. Undang-undang orang berbunuh-bunuhan
53. Undang-undang orang berbahagi harta fasal cerai
54. Undang-undang orang perempuan mengadu hendak cerai
55. Undang-undang orang kaya
56. Undang-undang pembunuhan
57. Undang-undang nikah dua kali
58. Undang-undang orang pegawai masjid
59. Undang-undang orang jadi pawang
60. Undang-undang orang jadi bidan
61. Undang-undang orang menaruh anak perempuan bujang
62. Undang-undang orang menaruh anak laki-laki bujang
63. Undang-undang orang mencari ilmu
64. Undang-undang orang menaruh ilmu
65. Undang-undang orang baharu lepas nikah
66. Undang-undang orang beristeri
67. Undang-undang orang mengambil perempuan orang
68. Undang-undang orang mengambil tunangnya orang
69. Undang-undang orang menghidupi anjing

70. Undang-undang orang menghidupi gajah
71. Undang-undang orang menghidupi kerbau
72. Undang-undang orang di dalam dunia akal yang sempurna
73. Undang-undang orang berdakwa
74. Undang-undang orang perang
75. Undang-undang orang perempuan sudah berlaki dapat anak
76. Undang-undang orang dagang mati banyak hartanya
77. Undang-undang orang di dalam satu negeri mati rajanya
78. Undang-undang orang hendak menjadikan orang besar-besar
79. Undang-undang orang jadi qadhi
80. Undang-undang orang jadi pawang di dalam mukim
81. Undang-undang orang cerai idah di dalam tiga bulan
82. Undang-undang orang cerai ada anaknya
83. Undang-undang orang sesusu nikah
84. Undang-undang orang nikah dengan perempuan
85. Undang-undang orang yang tiada boleh nikah mana-mana laki-laki
86. Undang-undang orang mengambil perempuan orang
87. Undang-undang orang menumpang perahu
88. Undang-undang orang menumpangkan barang
89. Undang-undang orang menyewa rumah atau kedai
90. Undang-undang orang sewa unta atau lainnya
91. Undang-undang orang mati atau lain-lain bicara
92. Undang-undang orang menjadi raja
93. Undang-undang orang jadi orang besar
94. Undang-undang orang mengambil upah orang sakit
95. Undang-undang orang kena bunuh
96. Undang-undang orang mandi balai
97. Undang-undang orang banyak duduk di majlis
98. Undang-undang orang menjadi penghulu suatu tempat
99. Undang-undang raja-raja dengan orang besar-besar dan rakyat dan rakyat dengan orang besarnya

Adab Hubungan Raja dengan Menteri

Pelbagai kajian telah pun dilakukan oleh para sarjana terhadap *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*. Secara umum, isi kandungan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* tidak jauh berbeza berbanding dengan undang-undang adat Melayu yang lain. Keseluruhan sarjana mengakui akan kebesaran isi kandungannya yang bukan sekadar mengandungi penentuan undang-undang dan hukum-hakam tetapi meliputi juga beberapa persoalan tentang kenegaraan, sifat-sifat raja dan pembesar negara, tugas dan tanggungjawab pemerintah dalam membawa keamanan dan keharmonian negara. Dalam kajian ini, penulis tidak berhasrat untuk memanjangkan lagi perbincangan tentang isi kandungan undang-

undang, sebaliknya akan memberi tumpuan terhadap aspek hubungan antara raja dengan menteri sebagai asas kebesaran adab kesultanan Melayu.

Salah satu ciri keistimewaan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* adalah tergambar melalui struktur penulisannya dalam bentuk “soal-jawab” antara Nusyirwan Adil dengan seorang menterinya yang bernama Buzurgmihr. Selain daripada undang-undang ini, tidak pernah ditemui karya undang-undang lain yang ditulis dalam bentuk “soal-jawab” antara seorang raja dengan menterinya. Dalam konteks zaman kesultanan Melayu, teknik penulisan yang berbentuk “soal-jawab” antara seorang raja dengan menterinya membawa satu maksud tersirat tentang adab pemerintahan seorang raja yang cukup penting dibicarakan di sini: Bahawa raja harus mendapatkan nasihat dalam soal pemerintahan dan perundangan daripada menteri yang bijaksana.

Dari khazanah kesusasteraan Melayu di Aceh, telah ditemui sebuah karya berjudul *Mir'at al-Tullab* karangan Syeikh Abdul Rauf Fansuri atas perintah Paduka Seri Sultan Tajul Alam Safiyatuddin (1641-1675). Isi kandungannya terdiri daripada berbagai-bagai aspek undang-undang meliputi perkara jual-beli, orang berhutang, bunuh, upah, sewaan tanah, rumah, binatang ternakan dan sebagainya, yang ditulis melalui teknik “soal-jawab”. Walau bagaimanapun, kitab tersebut bukan merupakan undang-undang adat Melayu, sebaliknya sebuah kitab undang-undang syariah, dan ditulis pada dekad yang lebih kemudian.

Hubungan antara raja dengan para menteri seringkali dilihat berbentuk hubungan dua hala. Dari satu sudut raja, dengan kuasa yang ada padanya, akan dapat mengawal para pembesar supaya tunduk dan patuh di bawah telunjuknya. Seandainya raja bersikap adil, maka baginda akan turut mempengaruhi pembentukan sikap pembesar yang adil. Sebaliknya, raja yang bersikap zalim berkemungkinan akan turut mempengaruhi pembentukan sikap pembesar yang zalim. Dari satu sudut yang lain, terdapat juga keadaan dalam mana pemerintahan seseorang raja yang lemah akan dikuasai oleh para pembesarnya. Keadaannya juga sama. Seandainya pembesar memiliki peribadi mulia, dia akan turut memancarkan cahaya mulia ke atas peribadi raja. Demikianlah sebaliknya, pembesar yang hidup dengan hawa nafsu, mahu tidak mahu akan memberi kesan ke atas kebuasan nafsu rajanya.

Selaku pembantu raja dalam pentadbiran negara, para menteri memikul tugas dan tanggungjawab yang berat, dalam erti kata, keteguhan dan keamanan sesebuah negara bukan hanya terletak di bahu raja tetapi juga di bahu para menteri di istana. Dalam memikul tugas yang berat seperti itu, para menteri harus memiliki kualiti-kualiti peribadi yang tertentu, sesuai dengan keperluan tugasnya. Seandainya seorang raja sangat dituntut supaya memiliki sifat keadilan, maka seorang menteri pula sangat dinasihati supaya memiliki sifat kebijaksanaan. Seseorang yang bijaksana bukan sekadar memiliki akal yang cerdas tetapi pandai atau pintar menggunakan akal tersebut dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan hidup. Menteri yang bijaksana juga dikaitkan dengan kebesaran akal budi dalam penampilan peribadi seperti memiliki ketinggian ilmu dan pengetahuan, kehalusan bahasa pertuturan, ketelitian pemikiran, kesabaran hati, kecekalan usaha dan sebagainya. Menteri yang bijaksana adalah aset penting bagi sesebuah istana.

Genre “*Mirrors for Rulers*”

Penceritaan tentang hubungan erat antara raja dengan menteri mendapat tumpuan utama di dalam sekumpulan karya yang dikenali sebagai genre *Mirrors for Rulers* dalam tradisi kesusasteraan Islam-Parsi. Di dalam karya berkenaan, pengarang tidak hanya menumpukan perhatian kepada raja-raja, tetapi sebaliknya menyediakan beberapa bab atau fasal khusus tentang menteri yang berperanan dalam membantu pentadbiran raja-raja. Antara menteri yang sering mendapat perhatian utama ialah wazir (Perdana Menteri), kadi, utusan dan katib seperti yang dapat ditemui di dalam *Qabusnama*, *Siyar al-Muluk* dan *Nasihah al-Muluk*. Sama seperti penceritaan tentang raja-raja, penceritaan tentang para menteri turut dipenuhi dengan pelbagai panduan, petikan Quran atau Hadith dan diperhalusi dengan cerita-cerita nasihat. Di dalam *Siyar al-Muluk* ada dicatatkan bahawa “*When a king is a tyrant all his courtiers begin to practise tyranny.*” (Darke, 1978: 43).

Antara pegawai raja di istana, wazir mempunyai kedudukan yang paling penting dan dihormati. Mereka merupakan penasihat raja yang paling utama dan kanan. Kebiasaannya seorang wazir adalah seorang yang memiliki ilmu pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran, adat istiadat dan peraturan istana. Hampir semua karya *Mirrors for Rulers* tradisi Parsi

memberikan ruang khusus untuk membicarakan tugas dan peranan wazir seperti yang terdapat di dalam *Siyar al-Muluk* dan *Nasihah al-Muluk*. Misalnya, pengarang *Siyar al-Muluk* memberi penekanan yang tinggi terhadap perlunya raja-raja mempunyai wazir yang bijaksana agar dapat membantu raja dalam melaksanakan urusan pentadbiran negara dengan baik. Wazir yang lemah akan mendedahkan negara ke arah kehancuran. Hal berkenaan diperhalusi lagi menerusi petikan daripada *Siyar al-Muluk* seperti berikut (Darke, 1978: 23): -

The good or ill of king and kingdom depends on the vazirs. When the vazir is of good character and sound judgment, the kingdom is prosperous, the army and peasantry are contented, peaceful and well supplied, and the king is free from anxiety. But when the vazir is bad, irreparable harm is done to the kingdom, the king is constantly perplexed and distressed and the provinces are in a state of disorder.

Penyebaran genre *Mirrors for Rulers* dalam kesusasteraan Melayu antara lain dapat dilihat melalui beberapa buah karya ketatanegaraan seperti *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Misalnya, di dalam *Bustan al-Salatin*, Nuruddin al-Raniri turut membicarakan secara panjang lebar tentang tugas wazir. Menurutnya, setiap raja harus melantik wazir yang bijaksana dan sentiasa bermesyuarat dengan wazir berkenaan dalam urusan pentadbiran negara. Penekanan tentang pentingnya raja memiliki wazir yang bijaksana dinyatakan oleh Nuruddin al-Raniri seperti berikut (*Bustan al-Salatin*, MS UM 41, halaman 506):-

Tak dapat tiada, bagi segala raja-raja bermesyuarat dengan segala wazirnya yang berpengetahuan lagi bijaksana, dari kerana bahawasanya, sekali-kali tiada sempurna sejahtera seorang jua pun melainkan dengan taulan selama ada pengetahuan lagi bijaksana.

Sebuah lagi karya ketatanegaraan Melayu berjudul *Bayan al-Asma'* karangan Syeikh Abdullah al-Misri turut membicarakan hubungan rapat antara seorang raja dengan para menteri. Keadilan atau kezaliman pemerintahan seseorang raja mempunyai perkaitan dengan peribadi menteri yang menjadi penasihat kepada raja (halaman 85):-

Dan kata syeikh yang mengarang surat ini, bermula adil sultan itu sebab bijaksana menterinya dan zalim sultan itu pun dengan sebab jahat bicara menterinya.

Hal ini menunjukkan bahawa menteri mempunyai peranan yang sangat penting dalam memelihara keamanan dan keharmonian pemerintahan seseorang raja. Perkara tersebut disimpulkan oleh pengarang dengan perbandingan antara “zat” dan “sifat” seperti berikut (halaman 85):-

Dan kata setengah ulama, bermula raja dengan menterinya itu bersekutu juga pada jahat dan baik kerana raja itu ibarat zat dan menteri itu ibarat sifat. Maka zat dan sifat itu tiada ia bercerai keduanya.

Menurut pengarang *Safinat al-Hukkam* pula, Syeikh Jalaluddin yang berasal dari Aceh, wazir yang bijaksana akan membantu raja mentadbir negara dengan jayanya (*Safinat al-Hukkam*, halaman 22):-

Dan kata setengah hakim, bermula hati itu seperti raja dan ilmu itu seperti qadhi, dan akal itu seperti wazir.

Kedudukan wazir yang diumpamakan seperti akal kepada manusia jelas menunjukkan pentingnya tugas tersebut dalam perjalanan pentadbiran sesebuah kerajaan. Menurut pengarang *Safinat al-Hukkam* lagi, setiap wazir harus memiliki sepuluh sifat yang utama, iaitu:-

Maka disyaratkan bagi segala wazir itu sepuluh sifat. Pertama berilmu, kedua tua umurnya, ketiga amanah, keempat teguh setianya, kelima sedikit tamaknya, keenam jangan perbantahan dan perdengkian antara segala makhluk, ketujuh keras pengingatan pada segala yang diingatnya, kedelapan budiman lagi cerdik pada barang pekerjaan, kesembilan jangan ia mengikut hawa nafsunya, kesepuluh memadai rezekinya dan pakainya serta tahu ia akan segala perintah mengeluarkan rezeki dan pakai itu. (*Safinat al-Hukkam*, halaman 23)

Anushirvan dan Buzurgmihr

Dalam sejarah kerajaan Parsi purba, Anushirvan (Anoshagh-ruvan/Khusraw I) adalah raja dari Dinasti Sasanian yang mendapat tempat yang sangat istimewa, khusus dari segi sifat keadilannya. Beliau adalah anak ketiga kepada Raja Qubad (Kavadh I) dan memerintah antara tahun 531-579. Dalam masa pemerintahannya, Dinasti Sasanian mencapai tahap yang kuat dan kukuh. Antara kemajuan yang tercapai termasuklah dari segi kemudahan tali air dan perdagangan dengan negara-negara luar. Anushirvan turut mengambil berat dalam soal perundangan dan keadilan dalam kehidupan rakyatnya hingga terkenal dengan gelaran sebagai *Anushirvan the Just*. Salah satu kejayaan pemerintahan Anushirvan tergambar melalui pembinaan sebuah istana yang bernama *Taq-i Kisra* (kini terletak di Kota Ctesiphon).

Kebesaran dan kejayaan Anushirvan bukan hanya terletak pada keupayaannya seorang sahaja tetapi adalah hasil nasihat yang diperolehi daripada dua orang menteri atau penasihat yang terkenal, iaitu *Yunan the Dastur* dan *Buzurgmihr*. Kedua-duanya merupakan menteri yang bijaksana dalam menasihati raja tentang tatacara pemerintahan yang baik. Buzurgmihr, khususnya, merupakan seorang wazir yang banyak memberi nasihat kepada Anushirvan tentang perlakuan adil yang harus dilakukan oleh raja tersebut. Hubungan antara raja dengan menteri, termasuk hubungan antara Anushirvan dengan Buzurgmihr, dinyatakan oleh Nizam al-Mulk di dalam *Siyar al-Muluk* seperti berikut (Darke, 1978: 1730):-

Among great kings there was Kai Khusrau who had a wazir like Gaudarz, Manuchihr had Sam, Afrasiyab had Piran-i Visa, Gushtasp had Jamasp, Rustam had Zavara, Bahram Gur had Khuraruz, and Nushirvan had Buzurgmihr.

Lagenda tentang *Anushirvan the Just* kemudian tersebar dalam khazanah kesusasteraan Melayu melalui perwatakan Nusyirwan Adil khusus dalam karya-karya berbentuk ketatanegaraan seperti *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin* dan *Nasihah al-Muluk*. Dalam cerita-cerita tersebut banyak dikisahkan tentang sifat keadilan Nusyirwan Adil termasuk nasihat-nasihat yang diperolehinya daripada Yunan ataupun Buzurgmihr. Dicatatkan juga tentang beberapa pujian Nabi Muhammad terhadap sifat adil Nusyirwan Adil melalui hadith-hadith baginda. Di dalam Bab III *Bustan al-Salatin* misalnya, kisah tentang sifat adil Raja Nusyirwan telah

diceritakan secara panjang lebar oleh Nuruddin al-Raniri, termasuk pelbagai nasihat agar raja-raja mencontohi perbuatannya. Salah satu petikan cerita tersebut adalah seperti berikut:-

Kata ahlu-muhadis, pada masa yang mulia dan pada ketika yang bahagia, jadilah Nabi kita Muhammad sallallahu alaihi wassalam yang pelita segala anbia, iaitu pada masa kisra Nusyirwan yang terlalu masyhur adil dan insafnya pada memerintahkan kerajaan dengan siasatnya. Dan adalah termazkur namanya dalam dunia itu daripada berkat Nabi kita Muhammad sallallahu alaihi wassalam jua. Kemudian daripada jadi Nabi kita dua tahun maka Nusyirwan pun matilah. Dari kerana itulah dipuji Nabi Allah akan dia, demikian sabdanya sallallahu alaihi wassalam: (476) *Waladat fi zamani al-malik al'adl*. Ertinya: *Jadi aku pada masa raja yang adil kerana bahawasanya dinamai akan dia raja yang adil daripada sangat adilnya dan insafnya akan segala hamba Allah.*

Dan lagi sabda Nabi sallallahu alaihi wassalam: *Ammun 'ala mauti arba'atin min 'l-kuffar: 'ala Nushirwan li adlihi wa Hatim 'l-Ta'i li sakha'ih wa Imru 'l-Qais li shi'rihi wa Abu Talib li khairihi* Ertinya: *Sayang maut akan empat orang kafir: pertama Nusyirwan kerana adilnya, kedua Hatim Tai kerana murahnyanya, ketiga Imrul Qais kerana syairnya, keempat Abu Talib kerana kebajikannya.*

Nasihat: Dengarlah segala yang budiman, hikayat segala raja-raja yang adil dan insaf, betapa disayang Nabi sallallahu alaihi wassalam akan maut raja Nusyirwan yang kafir kerana adilnya. Istimewa pula akan raja Islam yang mengikut syariat Muhammad habiballah sallallahu alaihi wassalam. Nyatalah daripada hadis ini bahawa segala nama kebajikan itu terlebih baik daripada segala suatu yang disebut orang akan kebajikan hingga datang kepada akhir masa.

Sehingga kini, penulis telah mengesan sekurang-kurangnya sebuah manuskrip tentang Nusyirwan Adil yang pernah disalin di negeri Perak oleh Luakang bin Muhammad Arshad Perak berdasarkan sebuah manuskrip asal milik Dato Sri Adika Raja, bertarikh 1832. Manuskrip tersebut kini tersimpan di Royal Asiatic Society, London (MS Maxwell 20) (rujuk R & V, 1977: 145). Luakang bin Muhammad Arshad juga adalah penyalin *Hikayat Inderaputra* bertarikh 1887. Manuskrip tersebut kini berada di Royal Asiatic Society, London (MS Maxwell 1).

| | | |
|---|--|--|
| <i>BUSTAN AL-SALATIN</i> NURUDDIN RANIRI | <i>TAJ AL-SALATIN</i> BUKHARI JAUHARI | <i>NASIHAT AL- MULUK</i> IMAM GHAZALI |
| 22 | 5 | 13 |

Jumlah cerita tentang Nusyirwan Adil dalam beberapa buah karya

Justeru itu, penulisan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang memuatkan soal-jawab antara Nusyirwan Adil (dieja Nasarwan Adil) dengan Buzurgmihir (dieja Khoja Barza Amir al-Hakim) bukanlah dibuat tanpa sebab, sebaliknya berasaskan satu tradisi hubungan raja dengan menteri yang kukuh. Sejarah telah menunjukkan bahawa kelahiran raja-raja besar di dunia adalah hasil hubungan erat mereka dengan para menteri atau penasihat istana yang bijaksana. Teks undang-undang tersebut memberi satu iktibar yang sangat penting diberi perhatian oleh raja-raja Perak, malahan raja-raja Melayu keseluruhannya, bahawa setiap raja harus bertanya atau mengambil nasihat daripada menteri yang berpengetahuan, agar urusan pentadbiran kerajaan berjalan dengan sebaik-baiknya.

Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak memberi satu gambaran bagaimana seorang raja bertanya dan mendapatkan nasihat daripada seorang menteri tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan perundangan negeri. Walaupun peristiwa Nusyirwan Adil bertanya itu hanya satu rekaan pengarang, tetapi membawa satu petunjuk tersirat yang cukup penting, bahawa raja harus mendapatkan nasihat daripada para menteri yang bijaksana. Kelahiran *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* memberi satu gambaran tentang peri pentingnya hubungan erat antara raja dengan menteri seperti terungkap dalam petikan undang-undang yang ke-99 berikut:

Undang-undang raja-raja dengan orang besar-besar dan orang rakyat, dan rakyat dengan orang besarnya: “Maka apa hukumnya?” Maka sembah menteri, “Ya Tuanku, jika ada barang apa-apa yang datang baik atau jahat, jangan ditaruh di dalam hati, maulah dititahkan pada orang besar-besar itu, jika ada apa-apa baik dan jahat mau disebutkan pada rajanya, janganlah ditaruh di dalam hari. Dan lagi raja-raja atau orang besar-besar jikalau apa-apa bicara baik dan jahat itu, maulah dinyatakan pada

rakyat boleh tahu ia dan ingat, dan tiap-tiap raja dan orang besar-besar itu barang apa-apa bicara hendak diterangkan, jika disembunyikannya semula, jangan tidur adat negeri adanya.”

Rumusan

Kewujudan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dalam khazanah kesusasteraan Melayu tradisional merupakan suatu petunjuk tentang pentingnya nilai tatasusila dalam kehidupan istana Melayu zaman silam. Undang-undang tersebut merupakan satu bentuk pencapaian tamadun bagi sejarah kehidupan masyarakat Melayu di negeri Perak dalam mengenal erti hidup berperaturan, mematuhi hukuman dan setia pada etika moral yang telah ditentukan. Undang-undang tersebut juga berperanan dalam membentuk satu kanun bagi raja-raja dan juga rakyat jelata dalam memelihara keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara. Dapat diandaikan bahawa selain daripada *Misa Melayu*, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* adalah “Karya Agung” yang lahir dalam zaman kesultanan Perak. Undang-undang ini melambangkan kebesaran seorang raja dalam hubungannya dengan menteri yang bijaksana sebagai landasan menara kebesaran adab kesultanan Melayu secara keseluruhannya.

Salinan Manuskrip

Bustan al-Salatin (Universiti Malaya MS 41)

Bayan al-Asma' (PNM, Kuala Lumpur)

Nasihat al-Muluk (SOAS, University of London, MS 4639)

Rujukan

Abdul Kadir Haji Muhammad. 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Alwi Hassan. 2000. Pertumbuhan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia. Dalam Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (ed.). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 121-160.

Abdullah Haji Musa. *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*. Singapura: Pen. Qalam

Abu Hassan Sham & Mariyam Salim. 1995. *Sastera Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Darke, Hubert. 1978. *The Book of Government of Rules for Kings* (translated from *The Persian of Nizam al-Mulk's Siyasatnama/Siyar al-Muluk*). London: Routledge & Kegan Paul.

Jelani Harun. 2001. Idealisme Keadilan Undang-Undang: Karya Ketatanegaraan sebagai Respons Intelektual terhadap Undang-Undang Adat Melayu. *Kertas Kerja Seminar Kesusasteraan dan Undang-Undang*, 26-27 Julai 2001, Universiti Malaya, anjuran Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kempe, John E. & Winstedt, R.O. 1948. "A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah, Sultan of Pahang 1592-1614" *JMBRAS* (21). h. 1-67.

Susunan yang pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan daripada Zaman Purbakala. 1935. Taiping, Perak.

Fawzi Basri. 1986. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.


Norazit Selat. 1999. Kepimpinan dan Ketatanegaraan *Dalam Undang-Undang 99 Perak*. Dalam Zainal Abidin Borhan (ed.). *Warisan Persuratan Johor II*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor. h. 265-281.

Ricklefs, M.C & Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian Manuscripts in Great Britain*. Oxford: Oxford University Press.

Rigby, J. 1908. The Ninety-nine Laws of Perak. Dalam *Papers on Malay Subjects* R.J. Wilkinson (ed.). h. 1-86.

Winstedt, R.O. 1953. An Old Minangkabau Legal Digest from Perak. *JMBRAS* (26). h. 1-13.

Winstedt, R.O. 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford Press.



Salasilah Keturunan Sayid yang Menjadi Bendahara dan Orang Kaya Besar Perak
(Sumber: Abdullah Haji Musa. *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*.
Singapura. Penerbit Qalam. Halaman 116)

حکم حکم بلغ قذات کراسه ایت فونجیکه تیارا انبیایع
 بدله جوکي د حکمک د حکمک لکمه کسه بکت کراسه ایت
 فونجیکه بتولے دتقن سالهه بدله جوکي د حکمک بک
 جوله ایت فونجیکه بتولے بوله جوکي د حکمک دتقن
 بکت ایت ادام به کراسه حکم ایتله ایتله ۲۳ سیدین
 خوله سیدین برکتدورین در فونجیکه شرورن کاردیل
 ایتد باج قونیت شرهه برنام بک نکریت عا د این بر
 شرهه غفریت بکت مکن ادا له شعوریت فونجیکه برنام
 جوج بر نام ایت ایتل ایت فونجیکه عوج با بکت
 عجم تروک متاک ایاله عجمادی فونجیکه
 دباوق شرورن کاردیل دیاله کفلا عجمادی ۲۳
 عجمادی عجمادی سیدین دباوق عجمادی ایاله
 ایتد ۲۳ عجمادی ایاله ایتد عجمادی عجمادی
 ایتد عجمادی ایاله ایتد عجمادی ایاله ۳
 عجمادی بوله دباوق عجمادی ایاله ایتد عجمادی
 عجمادی دباوق بوله دباوق عجمادی ایاله
 عجمادی ایتد ایتد عجمادی ایاله ایتد
 عجمادی عجمادی ایاله ایتد عجمادی ایاله

Salinan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak, Arkib Negara, Kuala Lumpur.